



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	2/5/2021	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kek ais daging habuan hari jadi

HULU KELANG – Zoo Negara meraikan ulang tahun kelahiran kedua bagi dua ekor Harimau Malaya yang dilahirkan pada Hari Pekerja iaitu 1 Mei 2019 di sini semalam.

Dua ekor harimau jantan yang diberi nama 'Hebat' dan 'Wira' itu telah dinamakan sendiri oleh Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali ketika melancarkan Kempen 'Selamatkan Harimau Malaya' sempena Hari Harimau Sedunia pada tahun 2019.

Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly Ahmat Lana berkata, pihak Zoo menyediakan hidangan istimewa sempena sambutan kelahiran harimau berkenaan iaitu kek ais berisi daging.

"Kedua-dua ekor harimau tersebut merupakan anak kepada pasangan Harimau Malaya bernama Kayla dan Jati. Kelahiran haiwan itu merupakan sebahagian daripada usaha Zoo Negara memastikan kesinambungan spesies Harimau Malaya di negara ini.

"Hebat dan Wira berada dalam keadaan sihat, walaupun belum mencapai tahap kematangan sepenuhnya, namun berat mereka sudah mencecah sehingga 100 Kilogram," katanya ketika ditemui di Zoo Negara di sini semalam.

Katanya, populasi Harimau Malaya semakin membimbang-



HEBAT dan Wira diraikan oleh Zoo Negara sempena ulang tahun kelahiran kedua semalam.

kan dan dianggarkan jumlahnya kurang daripada 200 ekor harimau yang masih hidup secara liar di hutan belantara di negara ini.

"Harimau Malaya adalah hidupan liar yang terancam dan dilindungi sepenuhnya mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) bagi mengelakkan kepupusan, berdasarkan International Union for Conservation of Nature (IUCN), Hari-

mau Malaya diletakkan dalam senarai merah spesies sangat terancam.

"Setakat ini, terdapat kira-kira 40 ekor Harimau Malaya di zoo-zoo seluruh negara dan lapan daripadanya berada di Zoo Negara. Walaupun spesies ini dilindungi, namun kemusnahan hutan sebagai habitat semula jadi tetap menjadi ancaman kepada haiwan berkenaan," jelasnya.